

19/08/1998

Usaha pastikan upah lebih baik

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi ikrar kerajaan untuk memperbaiki lagi taraf hidup rakyat di negara ini, terutama dalam memastikan pendapatan pekerja terus meningkat.

Kerajaan, kata Perdana Menteri, mempunyai cita-cita besar bagi memastikan pekerja meraih pendapatan sesuai dengan taraf hidup sebuah negara yang pesat membangun dan tidak mahu melihat hanya sebahagian rakyat mengecapi nikmat pertumbuhan ekonomi negara.

"Kerajaan berharap, insya-Allah, satu hari kita akan dapat mencapai matlamat memastikan pendapatan pekerja tidak kurang RM1,200 sebulan.

"Saya berikrar kerajaan akan berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan pendapatan pekerja," katanya membalas ikrar 40 pekerja yang mewakili tenaga kerja seluruh negara, ketika berucap pada perhimpunan perpaduan sempena sambutan Hari Pekerja di sini, hari ini.

Lebih 3,000 wakil kesatuan sekerja, majikan dan pemimpin kerajaan menghadiri perhimpunan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu. Hadir sama ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek; dan timbalannya, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, kenaikan gaji tidak akan bermakna jika nilai ringgit terus jatuh sehingga mengurangkan daya belinya.

"Sebab itu kita berusaha untuk mempertahankan ringgit dengan kerjasama pekerja, majikan dan pihak lain. Dengan kerjasama itu, matlamat (RM1,200 gaji minimum) akan dapat dicapai sebelum tahun 2020," katanya.

Beliau turut mengajak majikan dan rakyat bekerjasama mengatasi masalah ekonomi dengan ketabahan dan pengorbanan.

Menurutnya, pengorbanan sementara itu akan menjadi cukup pendek jika ketiga-tiga pihak bekerjasama rapat dan mengamalkan disiplin ketat.

Sambil menegaskan Malaysia tidak boleh bergantung kepada sokongan orang lain untuk kembali pulih, Perdana Menteri berkata, institusi antarabangsa dari Barat bukan saja tidak mahu menyokong, malah berusaha menggagalkan usaha negara memulihkan ekonomi.

Sehubungan itu, beliau melahirkan kebimbangan kemungkinan negara yang berkemampuan untuk bertindak seperti Russia, yang mata wangnya turut menjadi mangsa, akan menyerang balas.

Selain Russia, Hong Kong juga turut menghadapi masalah kejatuhan pasaran saham, tetapi apabila kerajaan negara itu bertindak membeli saham-saham di pasaran, ia dituduh sebagai pencabul pasaran saham.

Bagi Malaysia, katanya, lebih banyak tekanan asing dijangka berlaku bagi memaksa negara meminta bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) supaya ekonomi negara ini didedahkan sepenuhnya kepada bank dan syarikat asing.

Menurutnya, sebagai contoh, tekanan yang meningkat ke atas negara ini ialah apabila Malaysia merancang memperolehi dana di luar negara, penarafan kukuh ekonominya diturunkan supaya Malaysia terpaksa membayar faedah tinggi ke atas pinjaman luarnya.

"Kini kuasa asing terutamanya pedagang mata wang mempengaruhi bank-bank asing supaya jangan memberi pinjaman kepada Malaysia dan ini bertujuan memburukkan ekonomi negara ini," katanya.

"Jelaslah, mereka bukan menyokong tetapi menyekat usaha-usaha untuk memulihkan ekonomi," katanya.

Dr Mahathir berkata, beberapa negara yang mata wang mereka diserang telah mengambil langkah yang drastik untuk melindungi ekonomi mereka.

Di Hong Kong, kerajaan terpaksa masuk ke pasaran untuk membeli saham,

tetapi tindakan itu dituduh mengganggu kuasa pasaran bebas, yang mempengaruhi pasaran saham.

(END)